

20 MAY 1996

Mahathir - Usahawan

MALAYSIA GESA AMERIKA MAIN PERANAN CERGAS DALAM AKTIVITI EKONOMI ASIA

SAN FRANCISCO, 20 Mei (Bernama) -- Malaysia menggesa Amerika Syarikat memainkan peranan cergas dalam aktiviti ekonomi negara Asia dan bergabung tenaga dengan ahli perniagaan Asia mewujudkan "usahawan berteknologi" pada abad Asia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia berminat untuk menarik banyak pelaburan berteknologi tinggi ke arah pencapaian matlamat menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

"Marilah berpadu tenaga bersama kami ke arah usaha untuk mempertingkatkan industri di Malaysia. Marilah menyertai kami ke arah pencapaian Matlamat 2020," kata beliau ketika merasmikan Forum Teknologi Perniagaan "Malaysia-Amerika Syarikat di sini.

Malaysia, iaitu pengeksport terbesar mikrochip di dunia, merancang untuk mewujudkan super koridor multi media dengan mencontohi "Lembah Silikon" di Amerika dengan harapan untuk menggabungkan minda terpelajar dari Jepun dan Amerika bagi memastikan kejayaan projek berteknologi tinggi ini.

Dr Mahathir, berharap Amerika akan mengambil kira kepentingan sahih Malaysia. Kami berdiri sebagai negara bebas dan sebagaimana Amerika dan rakyatnya menghargai kebebasan, kami juga menghargai kebebasan kami. "Di kalangan negara yang bebas, perkongsian hendaklah berdasarkan prinsip hormat-menghormati antara satu sama lain.

Persidangan perniagaan itu ialah anjuran bersama Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) dan Persidangan Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) Malaysia.

Persidangan itu menerima sambutan menggalakkan dari kalangan ahli perniagaan Malaysia hinggakan ramai yang tidak dapat menyertainya kerana bilik hotel yang terhad di sini.

Ahli perniagaan terkemuka Malaysia yang menghadiri persidangan itu termasuk Tan Sri Tajudin Ramli, Pengerusi Penerbangan Malaysia dan Technology Resources Industries Berhad; Tan Sri Halim Saad, Pengerusi Eksekutif Renong Bhd; dan Tan Sri Azman Hashim, Pengerusi Arab-Malaysian Merchant Bank.

Menurut Perdana Menteri, Amerika dan Malaysia mempunyai kepentingan bersama dalam beberapa aspek geopolitik kerana kedua-duanya menyokong sistem pasaran bebas dan juga berpegang kepada prinsip asas demokrasi.

Malaysia juga tergolong dalam forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC). Walaupun mulanya berasa ragu-ragu, Malaysia sekarang berpuas hati dengan proses APEC dan bersedia menganjurkan sidang kemuncak APEC pada 1998, katanya.

Dr Mahathir juga menggesa Amerika melihat kemunculan Asia Timur sebagai perkembangan positif dan tidak sebagai "ancaman kepada Amerika, kepada Eropah atau kepada dunia" kerana "Asia juga berhak untuk beroleh kemakmuran seperti pihak lain."

Beliau berkata kebangkitan rantau ini ialah hasil kegigihan usaha dan sikap pragmatik seperti masyarakat Asia Timur mengakui bahawa kerajaan yang stabil memberi manfaat, berhemat dalam pengurusan ekonomi, bersikap terbuka terhadap idea dan mereka juga mengiktiraf pasaran sebagai kuasa bagi pertumbuhan.

"Malaysia membuat keputusan untuk pandang ke Asia Timur, selepas menyedari keajaiban itu lebih awal daripada yang dilakukan oleh pemikir Barat, dan memutuskan untuk mengambil laluan yang sama."

Amerika ialah pelabur Malaysia yang ketiga terbesar dengan pelaburan

dibenarkan berjumlah AS\$4.1 bilion selepas Jepun (AS\$4.9 bilion) dan Taiwan (\$4.2 bilion).

Dari 1991 sehingga Feb, 1996, Malaysia meluluskan pelaburan asing berjumlah \$26.3 bilion (RM66.78 bilion) bagi sektor pembuatan. -- BERNAMA

SAL FAZ